

## **TUNDUK PADI BERISI**

Oleh

**Mohammad Asffia Bin Edi**

### **ABSTRAK**

*Kajian ini saya jalankan apabila saya mendapati Siti, seorang murid Tahun 3 menghadapi masalah menulis perkataan dengan betul. Siti hanya boleh membaca perkataan yang mempunyai dua suku kata tetapi tidak boleh menulisnya dengan betul. Setelah menjalankan bimbingan, Siti telah mencapai kemajuan dan peningkatan yang amat membanggakan. Siti kini jarang membuat kesilapan semasa menulis dan sudah boleh membaca perkataan yang agak panjang dengan membatangkan perkataan dengan betul. Tetapi, usaha yang berterusan daripadanya amat dituntut kerana perjalanannya masih jauh dan perlu bimbingan untuk memantapkan lagi kemahiran menulis dan membaca pada dirinya.*

### **1.0 Pengenalan**

Penubuhan SK Maju adalah atas inisiatif Jabatan Muridan Negeri Sarawak untuk mendirikan lebih banyak lagi sekolah rendah di seluruh negeri Sarawak memandangkan kepada perkembangan pendidikan semakin meningkat dari setahun ke setahun. Keadaan ini adalah sejajar dengan pembangunan pendidikan di Malaysia yang mengamalkan konsep pendemokrasian pendidikan dan pendidikan yang berkualiti.

SK Maju terletak kira-kira enam kilometer dari pusat bandaraya Kuching dan adalah seluas lebih kurang empat ekar. Sekolah ini telah dibina atas sebuah tapak yang telah disediakan oleh pemaju perumahan Taman Maju. Sekolah ini mula beroperasi pada Januari 1997 iaitu bermulanya sesi persekolahan tahun 1997. Seramai 25 orang guru telah ditempatkan untuk berkhidmat di sini. Seramai 383 orang murid telah melapor diri untuk bersekolah di sini. Kebanyakan daripada mereka yang bersekolah di sini tinggal di sekitar kawasan perumahan berdekatan. Bilangan murid yang bersekolah di sini semakin meningkat yang mana jumlah terkini bilangan murid adalah seramai 1273 orang (seperti pada 31 Januari 2009).

Kecemerlangan dan kegemilangan sekolah ini semakin menyerlah dengan peningkatan keputusan UPSR dari tahun ke setahun. Begitu juga dengan pencapaian murid-murid dalam bidang kokurikulum yang mana sekolah ini telah melahirkan ramai jaguh-jaguh sukan yang telah mewakili sekolah peringkat zon maupun negeri.

## 1.2 Fokus Kajian

Semasa saya mula mengajar kelas pemulihan, saya telah mendapati Siti belum menguasai sepenuhnya kemahiran tulisan serta tidak dapat membaca ayat dengan lancar dan betul. Sepatutnya murid Tahun 3 sudah boleh menguasai kedua-dua kemahiran ini untuk memudahkan mereka mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu.

Dengan itu, saya telah merancang tindakan yang dapat membantu Siti untuk menguasai kemahiran membaca dan menulis dengan baik. Saya menggunakan segala teori berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran (p&p) yang telah dipelajari di institut pendidikan guru dan juga memperoleh nasihat daripada guru pembimbing saya di sekolah ini untuk merancang tindakan saya. Saya juga mendekati diri dengan Siti agar beliau tidak segan belajar dengan saya. Saya juga merancang pembelajaran yang bersesuaian dengan kebolehan Siti.

Siti adalah seorang murid yang agak pendiam di dalam kelas. Namun begitu, dia merupakan seorang murid yang mampu berkomunikasi dengan baik apabila berhadapan dengan guru yang beliau cukup kenali. Jika tidak, dia hanya akan mendiamkan diri dan sukar untuk bercakap dengannya. Semasa membuat latihan, dia sering mencari alasan untuk tidak menyiapkan latihan di dalam kelas. Sekiranya dia membuat latihan pun, dia akan membuat dengan cepat dan sesudah itu, dia bermain.

Siti boleh dikatakan sudah pandai membaca. Namun begitu, dia belum boleh membaca dengan sebutan betul untuk perkataan yang lebih daripada tiga suku kata. Apa yang menghairankan saya ialah, dia boleh membaca apa yang saya tunjukkan. Namun, apabila saya memintanya menulis perkataan yang saya sebutkan, dia tidak dapat menulis dengan betul. Dia juga sering menulis huruf besar pada tempat yang tidak sepatutnya seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1.

Nama : <input type="text"/>
Tahun : <input type="text"/>
Hari : Isnin
Tarikh : 27 Julai 2009
1. ini kakti ibu
2. ini kipas
3. ini buku kakki
4. saya <del>datka</del> buku sa
5. sayan suka <del>ropi</del> k
6. keria Abu suka <del>mato</del> bola

Rajah 1: Hasil kerja Siti sebelum tindakan

Kesilapan yang dilakukan oleh Siti ketika kajian ini dijalankan adalah beliau sering menulis huruf besar pada tempat yang salah. Dia juga hanya menguasai dua suku kata. Walau bagaimanapun, saya yakin, dia akan dapat mengatasi masalahnya hujung tahun ini sebelum dia masuk ke tahap dua pada tahun hadapan.

### **1.3 Objektif Kajian**

Berdasarkan tinjauan awal yang telah di jalankan, saya merancang suatu tindakan yang bertujuan membantu Siti untuk:

- membaca dengan lebih lancar dan betul.
- menulis perkataan dengan betul dan kemas.

### **2.0 Perancangan Tindakan**

Dalam mencapai objektif kajian ini, saya telah merancang satu program bimbingan individu kerana beliau seorang sahaja yang masih kekal dalam kelas pemulihan Tahun 3. Ini memudahkan perancangan saya memandangkan saya boleh memberikan tumpuan yang lebih kepada beliau seorang.

Secara umumnya, saya telah menjalankan aktiviti seperti berikut.

#### ***Bulan pertama:***

Menulis huruf besar dan huruf kecil.

Membunyikan dan menulis suku kata KV.

#### ***Bulan kedua:***

Membunyikan dan menulis suku kata KV + KV + KV, KV/K, V + KV/K dan suku kata KV + KV/K KV/K + KV.

#### ***Bulan ketiga:***

Membunyikan dan menulis perkataan KV/K + KV/K dan perkataan KV + KV + KV/K.

Membaca ayat mudah dengan intonasi dan gaya yang betul.

Membina ayat mudah dengan ejaan yang betul.


### **3.0 Pelaksanaan Tindakan Dan Dapatan Kajian**

Setelah membuat perancangan dan mengenal pasti kelemahan Siti, saya memulakan program pemulihan khas yang telah disediakan. Pada bulan pertama, saya telah memberikan latihan menulis huruf kecil dan huruf besar kepada Siti kerana saya mendapati dia masih belum menguasai sepenuhnya kemahiran mengenal huruf besar dan huruf kecil. Setelah membuat latihan, saya meminta beliau meneruskan latihan di rumah dan membetulkan kesilapan yang telah dibuatnya sebelum ini.

Saya menjelaskan kepadanya cara menulis dan menggunakan huruf dengan betul. Dia memahami apa yang saya terangkan dan menyedari kesilapan yang telah dia lakukan. Saya sentiasa memberikan latihan bertulis kepada Siti untuk memastikan dia faham dan tidak mengulangi kesilapan yang sering dia lakukan sebelum ini. Setelah membuat beberapa latihan, saya mendapati dia telah membuat perubahan yang agak baik walaupun masih ada kesilapan yang dilakukan terutama sekali sering menulis huruf k(kecil) dengan menggunakan huruf K (besar).

Pada bulan kedua, saya memberikan latihan berkaitan dengan beberapa jenis suku kata. Saya berharap, penguasaan beberapa jenis suku kata akan membantunya menulis dan membaca dengan baik. Pada setiap sesi p&p dijalankan, Siti dapat menguasai beberapa jenis suku kata dengan baik. Dia juga sudah boleh membaca ayat pendek dengan baik dan agak lancar. Namun begitu, dari segi kemahiran menulis, dia masih pada tahap yang agak lemah. Masalah yang saya dapati pada ketika ini adalah dia agak malas membuat latihan menulis. Oleh itu, saya telah membuat satu perubahan dari segi p&p saya untuk membuatnya tidak merasa bosan menulis dan membuat latihan.

Pada bulan ketiga pula, saya masih meneruskan pengajaran dengan mengajar beberapa suku kata yang agak panjang dan sukar. Ini bertujuan untuk menambahkan lagi kemahirannya untuk membatangkan perkataan. Saya mendapati dia amat sukar untuk membatangkan perkataan yang mempunyai suku kata yang amat panjang. Walaupun begitu, saya bersyukur kerana dia dapat menguasai beberapa suku kata yang panjang walaupun agak lambat kerana masih dalam proses mengeja. Selepas tindakan dilakukan, Siti didapati sudah boleh menulis perkataan yang lebih daripada dua suku kata. Dia juga boleh menulis perkataan yang disebutkan oleh guru secara spontan dengan betul walaupun masih ada kesilapan yang di lakukan seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2. Namun, kemajuan yang dicapainya sangat bererti.



Rajah 2 : Hasil kerja Siti selepas tindakan

#### **4.0 Refleksi**

Setelah segala perancangan dan tindakan dijalankan, saya mendapati pendekatan mengajar secara individu amat berkesan. Namun begitu, ianya amat memerlukan komitmen dan kesabaran yang tinggi dalam diri seorang guru tersebut. Semasa menjalankan penyelidikan tindakan ini, saya mendapati beberapa faktor yang boleh menyebabkan murid lemah menguasai pembelajaran yang telah diajar. Faktor pertama yang saya dapati ialah kurang latihan boleh menyebabkan murid lupa apa yang telah dimuridi. Contoh yang paling nyata ialah ketika balik daripada cuti sekolah, kebanyakan murid akan lupa 70 peratus daripada apa yang telah dipelajari. Apabila dilakukan soal selidik secara lisan, rata-rata murid mengatakan mereka tidak melakukan ulang kaji dirumah. Oleh itu, saya berpendapat, guru seharusnya memberikan latihan yang cukup kepada murid untuk dilakukan semasa cuti sekolah untuk mengelak muridnya leka semasa cuti sekolah.

Seterusnya, saya mendapati murid yang tergolong sebagai murid lemah dari segi 3M mempunyai sifat yakin diri yang amat lemah. Mereka amat takut untuk mencuba kerana ada sesetengah guru yang tidak faham terus bersifat menghukum. Segelintir guru terus melabel dan menghukum murid yang lemah ini sebagai malas ataupun bodoh tanpa menyelidik dahulu potensi dan tahap penerimaan seseorang murid. Apabila guru terus mengikut sukanan kerana takut tidak habis sukanan pelajaran, maka mereka yang lemah ini akan terus ketinggalan sekiranya tidak dibimbing.

Itulah dua faktor yang saya rasa memang berlaku di mana-mana sekolah yang terdapat murid yang ketinggalan jauh daripada rakan-rakannya yang lain dari segi pelajaran. Untuk mengelak murid yang lemah ini terus ketinggalan, maka menjadi tanggungjawab guru untuk merancang proses p&p dengan tidak mengabaikan murid yang lemah.

Setelah melakukan penyelidikan tindakan ini, saya berasa amat berpuas hati dengan kemajuan dan peningkatan yang dicapai oleh Siti. Saya berdoa dan berharap dia meneruskan usahanya untuk berlajar dengan lebih tekun untuk menjadi murid yang lebih cemerlang dan berjaya. Saya berazam untuk memperbaiki kelemahan dan kesilapan yang telah saya lakukan semasa proses p&p. Dengan menjalankan penyelidikan tindakan ini juga, saya telah banyak belajar ilmu keguruan dan menambahbaik ilmu saya dalam p&p.

#### **Bibliografi**

Bahagian Pendidikan Guru. (2001). *Garis panduan pelaksanaan kursus penyelidikan tindakan Maktab Perguruan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Gan Teck Hock. (1999). Mencari titik perseimbangan di antara keunggulan teori dan kenyataan praktis: Satu kes pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam pengajaran matematik sekolah rendah, *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Maktab Perguruan Sarawak*, 2 (1), 68-85.

Jeffery anak Menggu. (2003). Aya Du. Dalam *Prosiding Seminar Kajian Tindakan 2003, 8-9 Oktober 2003*. Terbitan bersama Maktab Perguruan Tun Abdul Razak, Samarahan dan Jabatan Pendidikan Bahagian Sri Aman, 133-147.